

**MIKRO KREDIT DARIPADA DANA ZAKAT DI
BAITUL MAL ACEH DAN POTENSI
PELAKSANAANNYA DI INSTITUSI-INSTITUSI
ZAKAT DI MALAYSIA**

NURUL ILYANA BINTI MUHD ADNAN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2015**

**MIKRO KREDIT DARIPADA DANA ZAKAT DI
BAITUL MAL ACEH DAN POTENSI
PELAKSANAANNYA DI INSTITUSI-INSTITUSI
ZAKAT DI MALAYSIA**

Oleh

NURUL ILYANA BINTI MUHD ADNAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

OGOS 2015

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana hanya dengan limpah kurnia, rahmat, taufik, hidayah dan 'inayah serta keizinan-NYA tesis ini dapat dihasilkan.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Dr. Zahri Hamat selaku penyelia utama di atas bimbingan yang bernilai dalam proses penghasilan tesis ini. Terima kasih juga kepada Dr. Zakaria Bahri selaku penyelia bersama, Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh selaku Pengarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) serta semua pensyarah terutama Dr. Hasanah Abd. Khafidz, Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar, Dr. Fadzila Azni Ahmad dan Dr. Mohd Shukri Hanapi yang turut membantu dalam proses penulisan tesis ini. Semoga tunjuk ajar dan didikan ikhlas kalian yang telah dicurahkan mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah SWT.

Jutaan terima kasih juga kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Institut Pengajian Siswazah USM atas bantuan dan kemudahan yang disediakan sepanjang proses kajian ini. Tidak lupa juga kepada Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2 USM, Pusat Islam USM dan Perpustakaan UIA.

Penghargaan juga dirakamkan kepada pihak Baitul Mal Aceh, dan pihak institusi zakat di Malaysia atas kerjasama dan maklumat yang disalurkan bagi menjayakan kajian ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada Prof. Alyasa' Abu Bakar, Dr. Muhammad Yasir Yusof, Dr. Mohd Mohadis Yasin, Profesor Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, Profesor Madya Dr. Hasan Bahrom, Profesor Madya Dr. Sanep Ahmad, Profesor Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi, Dr. Luqman Abdullah, Dr.

Shamsiah Mohammad dan Dr. Mek Wok Mahmud atas kerjasama yang telah diberikan.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua yang terlibat dalam memberikan sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini terutama rakan-rakan di ISDEV. Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga istimewa buat baba, umi, abang dan adik di atas doa dan restu serta sokongan. Semoga Allah SWT memberikan rahmat-Nya dan memberkati kehidupan kita semua dunia dan akhirat.

Nurul Ilyana Muhd Adnan
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Kependekan	xi
Senarai Penerbitan	xiii
Panduan Transliterasi	xvi
Abstrak	xvii
Abstract	xix

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Definisi Operasional	13
1.7	Skop dan Batasan Kajian	20
1.8	Kepentingan Kajian	21
1.9	Organisasi Tesis	23

BAB 2 : KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Kajian Lepas	25
2.3	Sorotan Karya	38
	2.3.1 Mikro Kredit	39
	2.3.2 Agihan Zakat Produktif Melalui Mikro Kredit	42
	2.3.3 <i>Maqasid Syariah</i>	49

2.4	Kerangka Konseptual Kajian	51
2.5	Kesimpulan	54

BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	57
3.3.1	Pengumpulan Data daripada Sumber Utama	57
3.3.2	Pengumpulan Data daripada Sumber Kedua	57
3.3.2.1	Pengumpulan Data Primer	58
3.3.2.1.1	Kaedah Pensampelan	58
3.3.2.1.2	Justifikasi Pemilihan Baitul Mal Aceh Sebagai Subjek Kajian	59
3.3.2.1.3	Pemilihan Responden	60
3.3.2.1.4	Instrumen Kajian	63
3.3.2.1.5	Kajian Rintis	64
3.3.2.2	Pengumpulan Data Sekunder	64
3.4	Kaedah Analisis Data	65
3.4.1	<i>Tarjih</i>	65
3.4.2	<i>Maqasid Syariah</i>	68
3.5	Prosedur Kajian	73
3.6	Kesimpulan	74

BAB 4 : HUKUM MIKRO KREDIT DARIPADA DANA ZAKAT DI BAITUL MAL ACEH

4.1	Pendahuluan	75
4.2	Pembentukan Hukum Mikro Kredit Daripada Dana Zakat	75

4.2.1	Kaedah Agihan Zakat	76
4.2.2	Agihan Dalam Bentuk Produktif	82
4.3	Mikro Kredit Daripada Dana Zakat Di Baitul Mal Aceh	87
4.3.1	Hujah Berdasarkan Pemahaman Al-Quran Dan Hadis Secara <i>Lughawi</i> atau <i>Illah</i>	87
4.3.2	Hujah Berdasarkan Perbezaan Pendapat Ulamaø Terhadap <i>li tamlik</i>	90
4.3.3	Hujah Berdasarkan Kriteria <i>Maslahah</i> Dalam <i>Maqasid</i> <i>Syariah</i> .	92
4.3.4	Hujah Berdasarkan Falsafah Zakat	95
4.4	Bentuk Akad Mikro Kredit Yang Dibenarkan Islam	97
4.4.1	Akad <i>Al-Qard Al-Hasan</i>	97
4.4.2	Akad <i>Mudarabah</i>	98
4.4.3	Akad <i>Murabahah</i>	99
4.5	Kesimpulan	99

BAB 5 : UNDANG-UNDANG, MEKANISME DAN CABARAN MIKRO KREDIT DI BAITUL MAL ACEH

5.1	Pendahuluan	101
5.2	Undang-Undang Zakat	101
5.2.1	Baitul Mal Aceh Darussalam	102
5.2.2	Peruntukan Undang-Undang Tentang Agihan Zakat	105
5.2.2.1	Kuasa Mengagih Zakat	106
5.2.2.2	Jenis Agihan ó Peratusan	109
5.2.2.3	Agihan Produktif	111
5.2.2.4	Syarat <i>Mustahiq</i> dan Sebagainya	114
5.3	Mekanisme Pelaksanaan	117

5.3.1	Kaedah Umum Agihan Zakat	118
5.3.2	Sektor Zakat Produktif	120
5.3.3	Kriteria Pemilihan Peserta	123
5.3.4	Pelaksanaan Dan Pemantauan	124
5.4	Isu Dan Cabaran	127
5.4.1	Fiqh Dan Mikro Kredit	127
5.4.2	Mikro Kredit Daripada Dana Zakat	128
5.4.3	Pemilihan Peserta	130
5.4.4	Penyelesaian Isu Dan Cabaran	132
5.5	Kesimpulan	135

**BAB 6 : POTENSI PELAKSANAAN MIKRO KREDIT
DARIPADA DANA ZAKAT DI INSTITUSI-INSTITUSI
ZAKAT DI MALAYSIA**

6.1	Pendahuluan	136
6.2	Potensi Pelaksanaan	137
6.2.1	Sumber Dana Yang Digunakan	138
6.2.2	Fatwa Tentang Mikro Kredit daripada Dana Zakat di Malaysia	140
6.2.3	Sektor-Sektor Yang Berpotensi	145
6.2.4	Kriteria Utama Dalam Pemilihan Asnaf	149
6.2.5	Pemantauan dan Latihan Untuk Asnaf	151
6.2.6	Kemahiran Staf di Institusi-Institusi Zakat	154
6.3	Cadangan Instrumen Mikro Kredit di Institusi-Institusi Zakat Malaysia.	158
6.3.1	<i>Qard Al-Hasan</i>	159

6.3.2	<i>Mudarabah</i> atau <i>Musyarakah</i>	161
6.4	Kesimpulan	163

BAB 7 : PENUTUP

7.1	Pendahuluan	165
7.2	Dapatan Utama Kajian	165
7.3	Implikasi Kajian	171
7.3.1	Implikasi Kepada <i>Mustahiq</i>	171
7.3.2	Implikasi Kepada Institusi-Institusi Zakat Di Malaysia	172
7.3.3	Implikasi Kepada Kerajaan	173
7.4	Sumbangan Kajian	174
7.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	174
7.6	Kesimpulan	175

BIBLIOGRAFI		177
--------------------	--	-----

LAMPIRAN A : Surat Edaran Dewan Syariah Baitul Mal Aceh
No.01/DS/V/2006

LAMPIRAN B : Fasal 13 Undang-Undang No. 38 Tahun 1999

LAMPIRAN C : Fatwa Negeri Selangor 1998 Dan Fatwa Melaka
2011

LAMPIRAN D : Soalan Kajian Lapangan

SENARAI JADUAL

	Muka Surat	
Jadual 1.1	Objektif dan Persoalan Kajian	12-13
Jadual 2.1	Ringkasan Tulisan-tulisan Lepas	25-30
Jadual 3.1	Senarai Responden Kumpulan Pakar	60-61
Jadual 3.2	Ringkasan Kaedah Analisis Data Mengikut Objektif Dan Persoalan Kajian	71-72
Jadual 5.1	Ringkasan Undang-undang Tentang Agihan Zakat Produktif	117
Jadual 5.2	Bantuan Modal Perniagaan Secara Mikro Kredit Bagi Tempoh 2008-2012	121

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Kerangka Konseptual	53
Rajah 3.1	Prosedur Kajian	73

SENARAI KEPENDEKAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
BAZ	Badan Amil Zakat
BAZDA	Badan Amil Zakat Daerah
BAZIS	Badan Amil Zakat Infaq dan Sedekah
BHA	Badan Harta Agama
BPHA	Badan Penertiban Harta Agama
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
LAZ	Lembaga Amil Zakat
LKMS	Lembaga Kewangan Mikro Syariah
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MPU	Majelis Permusyawaratan Ulama
PAD	Pendapatan Asli Daerah
PERDA	Peraturan Daerah
PZM	Pusat Zakat Melaka

TEKUN Yayasan Tekun Nasional

UPFU Unit Peduli Fakir Uzur

UPZ Unit Pengumpul Zakat

SENARAI PENERBITAN

1. Nurul Ilyana Muhd Adnan (2010). Kredit Mikro Dan Pembiayaan Dari: Dana Zakat Di Kelantan : Satu Cadangan Penyelidikan. Bengkel Siswazah Antarabangsa Isdev Kali Ke 5 (INGRAW10). Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Sains Malaysia (USM), bertempat di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM, Pulau Pinang : 21-22 September 2010.
2. Nurul Ilyana Muhd Adnan (2011). Kredit Mikro Dan Pembiayaan Dari: Dana Zakat. Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam Ke-4 (WAPI4). Anjuran Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Medan Dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, bertempat di Kampus UMSU, Medan, Sumatera Utara : 15 Mac 2011.
3. Nurul Ilyana Muhd Adnan (2011). Pengagihan Zakat Melalui Kredit Mikro : Analisis Dari Perspektif *Maslahah*. Bengkel Siswazah Antarabangsa Isdev Kali Ke 6 (INGRAW11). Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Sains Malaysia (USM), bertempat di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM, Pulau Pinang : 11-12 Oktober 2011.
4. Nurul Ilyana Muhd Adnan (2011). *Maqasid Syariah Dan Aplikasi Dalam Agihan Zakat Melalui Kredit Mikro*. The World Universities 1st Zakat Conference 2011. Organized by Zakat Research Institute Of Malaysia (IKAZ) In Collaboration With Faculty Of Education & Social Sciences, Unisel, Faculty

Of Economics And Management, UKM, Faculty Of Syariah & Law, USIM, Academy Of Islamic Studies, UM, Forum Zakat Malaysia (FZM), Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri (SPZN) And Will Be Held At PWTC, Kuala Lumpur, Malaysia : 22-24 November 2011.

5. Nurul Ilyana Muhd Adnan (2011). *Maqasid Syariah Dalam Agihan Zakat Melalui Kredit Mikro: Satu Analisis Teoritis*. 5th Isdev International Development Management Conference 2011 (IDMAC2011). Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Dan Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Sains Malaysia (USM), bertempat di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM, Pulau Pinang : 13 & 14 Disember 2011.
6. Nurul Ilyana Muhd Adnan (2012). *Mikro Kredit Dari: Dana Zakat : Aplikasi Di Institusi Zakat*. Bengkel Siswazah Antarabangsa Isdev Kali Ke 7 (INGRAW2012). Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Sains Malaysia (USM), bertempat di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM, Pulau Pinang : 30-31 Oktober 2012.
7. Nurul Ilyana Muhd Adnan (2013). *Mikro Kredit Dari: Dana Zakat Di Baitul Mal Aceh*. Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam Ke-6 (WAPI6). Anjuran Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Medan Dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, bertempat di Kampus UMSU, Medan, Sumatera Utara : 22 - 23 April 2013.
8. Nurul Ilyana Muhd Adnan (2013). *Mikro Kredit Dari: Dana Zakat : Satu Sorotan*. Bengkel Siswazah Antarabangsa Isdev Kali Ke 8 (INGRAW2013).

Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Sains Malaysia (USM), bertempat di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM, Pulau Pinang : 30 - 31 Oktober 2013.

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab
t	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
'	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	h	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	هـ	s	س
'	ء	sy	ش
y	ي	s	ص
ṭ	ة	d	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	َ	a	آ	ay	آي
i	ِ	i	إِي	aw	أُو
u	ُ	u	أُو		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1992.

MIKRO KREDIT DARIPADA DANA ZAKAT DI BAITUL MAL ACEH DAN POTENSI PELAKSANAANNYA DI INSTITUSI-INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

ABSTRAK

Bantuan modal dalam bentuk mikro kredit yang ditawarkan di Malaysia ketika ini dikatakan tidak bebas daripada unsur-unsur riba. Bantuan modal secara percuma daripada dana zakat kepada usahawan asnaf pula sering mengalami kegagalan. Dengan hal demikian, satu mekanisme bantuan modal dalam bentuk mikro kredit yang bebas riba sepatutnya diwujudkan. Persoalannya, apakah mekanisme secara mikro kredit tersebut boleh dibiayai daripada dana zakat? Sekiranya dana zakat boleh digunakan untuk membiayai mikro kredit, bagaimanakah mekanisme mikro kredit itu boleh direalisasikan? Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis hukum serta bentuk bantuan modal perniagaan secara mikro kredit yang telah dibiayai daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh dan potensi pelaksanaannya di institusi zakat di Malaysia. Data sekunder dan primer digunakan untuk tujuan analisis tersebut. Data sekunder diperoleh daripada tulisan terdahulu, manakala data primer diperoleh daripada kajian lapangan. Kajian lapangan dilakukan melalui temu bual mendalam dengan menggunakan pensampelan bertujuan. Analisis dibuat menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini mempamerkan tiga dapatan. Dapatan pertama mempamerkan terdapat empat asas yang diguna pakai di Baitul Mal Aceh. Pertama, hujah berdasarkan pemahaman Al-Quran dan Hadis secara *lughawi* atau *illah*. Kedua, hujah berdasarkan perbezaan pendapat ulama' terhadap huruf *lam li tamlik*. Ketiga, hujah berdasarkan kriteria *maslahah*. Keempat, hujah berdasarkan falsafah zakat itu sendiri. Dapatan kedua mempamerkan mekanisme bantuan modal di Baitul Mal Aceh adalah *qard al-hasan* bagi sektor

pertanian, perdagangan dan perkhidmatan. Dapatan ketiga pula mempamerkan agihan zakat dalam bentuk bantuan modal berpotensi dilaksanakan di Malaysia. Namun, perlu ada mekanisme yang betul dan pemantauan daripada pihak institusi zakat. Dapatan kajian ini memberi tiga implikasi utama. Pertama, para *mustahiq* berpeluang mengamalkan pinjaman mikro kredit yang bebas daripada riba. Kedua, institusi-institusi zakat dapat mempelbagaikan kaedah agihan zakat seterusnya dapat menjana ekonomi asnaf ke arah yang lebih baik. Ketiga, satu usaha jitu perlu digerakkan dengan lebih agresif agar mikro kredit daripada dana zakat dapat dilaksanakan di seluruh Malaysia.

MICRO CREDIT FROM ZAKAH FUND IN BAITUL MAL ACEH AND IT'S POTENTIAL IMPLEMENTATIONS IN MALAYSIA'S ZAKAH INSTITUTIONS

ABSTRACT

Capital assistance in the form of micro-credit presented in Malaysia is currently alleged not to be free from elements of *riba*. Capital assistance freely given to small entrepreneurs (SME) from the zakah fund is concurrently caused the failure. In such a case, a capital assistance mechanism in the form of micro-credit, which is free from *riba*, should be in place. Nevertheless, the question arose; can this micro-credit mechanism can be funded or endowed from the zakah foundation? If the zakah fund can be used as a source to support micro-credit mechanism, how should do the micro-credit mechanism should be realized? This study aims to identify and analyse the *hukm*, besides analyzing the form and character of business capital assistance derived from micro-credit mechanism which were practiced and financed by zakah fund in Baitul Mal Aceh, and their potential of implementation through the zakah institutions in Malaysia. The analysis is based on secondary and primary data. The secondary data was obtained from literature review, and the primary data was obtained from field work. The field work studies were conducted through in-depth interviews using the purposive sampling. The analysis was done using the content analysis method. The result of this study demonstrated three findings. First finding showed there are four fundamental adopted in Baitul Mal Aceh. First, the argument is based on the understanding of the Quran and Hadith in *lughawi* or *illah*. Second, the argument is based on the difference of opinion of scholars' towards the *huruf lam li tamlik*. Third, the argument based on the criteria of *maslahah*. Fourth, the argument is based on the zakah philosophy itself. The second finding demonstrated the capital

assistance in Baitul Mal Aceh is based from the mechanism of *qard al-hasan* for the agricultural sector, commerce and services. The third finding demonstrated that the zakah distribution in the form of capital assistance is potentially to be implemented in Malaysia. However, there should be a proper mechanism and supervised from the zakah institution itself. This study provides three main implications. First, the *mustahiq* have an opportunity to practice micro credit which are free from *riba*. Secondly, zakah institutions can diversify the zakah distribution methods so as to generate and enhance toward better economy for zakah recipients. Third, a solid effort should be aggressively put on so that the micro-credit from the zakah fund can be implemented throughout Malaysia.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti asas hukum pelaksanaan mikro kredit daripada dana zakat yang digunakan di Baitul Mal Aceh. Kemudian menganalisis kaedah pelaksanaan mikro kredit daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh. Ini diikuti dengan menganalisis potensi pelaksanaan mikro kredit daripada dana zakat di institusi-institusi zakat di Malaysia.

Perbincangan dalam bab pertama ini dimulai dengan latar belakang kajian, kemudian pernyataan masalah dan seterusnya tentang objektif kajian. Ini diikuti dengan menyatakan persoalan-persoalan kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan akhirnya organisasi tesis.

1.2 LATARBELAKANG KAJIAN

Zakat berperanan antara lain untuk merapatkan jurang perbezaan ekonomi atau pendapatan dalam sesebuah masyarakat ke tahap yang paling minimum (Zulkefly A. Karim, Mohd Azlah Shah Zaidi & Hairunnizam Wahid, 2004). Zakat boleh juga dijadikan sebahagian polisi fiskal negara, boleh menjana kuasa beli masyarakat dan meningkatkan produktiviti negara (Hailani Muji Tahir, 2004). Zakat juga berfungsi menjaga kebajikan dalam memberikan hak daripada golongan kaya kepada golongan miskin (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2007). Selain daripada itu, terdapat kajian yang membuktikan bahawa agihan zakat bertindak sebagai satu mekanisme yang penting

kepada sesebuah negara Islam bagi menjamin kemaslahatan rakyat seluruhnya (Abdul Aziz Muhammad, 1986). Dengan kata lain, golongan miskin akan sentiasa terbela, manakala golongan kaya akan membantu dan prihatin. Hal ini secara langsung atau tidak langsung akan mewujudkan kestabilan ekonomi dan sosial kerana tiada pihak yang merasa tertindas (Patmawati Hj. Ibrahim, 2007).

Zakat telah memainkan peranan yang besar dalam ekonomi umat Islam khususnya di Malaysia. Dengan itu, sistem agihan zakat yang berkesan berperanan untuk meyakinkan masyarakat Islam bahawa institusi zakat adalah salah satu pendekatan Islam dalam menyusun dan membangun masyarakat (Ahmad Sarji, 2001). Perkembangan institusi pengurusan zakat dan tahap profesionalisme yang tinggi telah menjadikan ia disegani dan menjadi contoh kepada institusi-institusi agama yang lain sama ada dalam atau luar negara. Reaksi positif daripada ini adalah keyakinan dan sokongan umat Islam terhadap institusi zakat. Natijahnya kutipan yang semakin meningkat dari tahun ke tahun dan kesedaran mengenai kewajipan berzakat yang semakin tinggi¹.

Konsep asas dalam agihan zakat adalah untuk penyucian harta dan membasmi kemiskinan. Pendekatan yang boleh dibuat adalah melalui pengagihan zakat produktif. Menurut Yusuf al-Qaradawi (1994), antara pendekatan adalah melalui penyediaan modal pusingan daripada dana zakat melalui mikro kredit. Hal ini kerana modal pusingan berbentuk mikro kredit daripada dana zakat merupakan bantuan zakat bermatlamat jangka panjang. Modal ini diperuntukkan kepada asnaf yang berminat

¹ Hal ini disokong oleh data daripada LZS:

Jadual Kutipan Zakat Dari Tahun 2009 - 2013

2009	2010	2011	2012	2013
RM284.8j	RM337.1	RM394.1j	RM451.3j	517.3j

Sumber : Ubahsuai Data Daripada Laporan Tahunan LZS Dari Tahun 2009 - 2013

untuk berniaga tetapi tidak mempunyai modal untuk menjalankan perniagaan. Peruntukan ini diberi dengan kadar yang mencukupi sesuai dengan keadaan ekonomi, masa, tempat dan keperluan asnaf. Modal yang diberi hendaklah mencukupi kadar modal sesuatu projek yang hendak dijalankan. *Mustahiq* (penerima zakat) dalam jangka masa tertentu, diharapkan mampu mengubah status daripada *mustahiq* kepada *muzakki* (pembayar zakat). Hal ini selari dengan tindakan Khalifah Umar al-Khattab yang pernah mengarahkan petugas zakatnya dengan berkata, yang bermaksud:

“Apabila mengagihkan zakat kepada orang-orang miskin, berilah dengan berlebihan agar mereka berpuas hati; ulangi memberikannya kepada mereka walaupun mereka mendapat seratus ekor unta” (Abu Ubaid, 1981:502).

Berdasarkan pernyataan Khalifah Umar al-Khattab di atas, jelas menunjukkan bahawa zakat harus diagihkan sehingga *mustahiq* dapat bertukar menjadi *muzakki* pada masa akan datang (Yusuf al-Qaradawi, 2002). Ini menunjukkan bahawa bantuan dalam bentuk modal adalah bermatlamat jangka panjang. Selain itu, hal ini juga menunjukkan bahawa agihan zakat boleh dibuat dalam pelbagai bentuk, iaitu dalam bentuk tunai atau peralatan.

Zakat juga merupakan alat untuk memerangi masalah riba. Allah melaknat riba dan pihak-pihak yang melakukan transaksi riba. Dengan adanya penyediaan modal daripada dana zakat, bererti tertutuplah pintu sistem mikro kredit yang berkonsepkan riba. Modal daripada zakat boleh diberikan kepada asnaf yang berhajat untuk menceburi bidang perniagaan yang termampu oleh mereka. Modal tersebut boleh diberi sama ada dalam bentuk tunai atau peralatan melalui mikro kredit tanpa faedah.

Di Malaysia, mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan memperoleh bantuan modal daripada institusi perbankan dan bukan perbankan. Antara modal niaga yang popular disediakan oleh bank ialah melalui skim mikro kredit. Selain daripada institusi perbankan, bantuan modal perniagaan turut disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Tekun Nasional (TEKUN) dan institusi-institusi zakat dan Baitul Mal di Malaysia. Namun modal yang disediakan oleh AIM dan TEKUN dikenakan caj faedah (riba) terhadap bayaran balik kredit.

Bantuan modal perniagaan yang disediakan oleh institusi-institusi zakat dan Baitul Mal² di Malaysia adalah 100 peratus percuma. Ia tidak dikenakan sebarang bayaran balik. Bentuk bantuan modal perniagaan yang diberikan sama ada dalam bentuk tunai mahupun peralatan (Rosbi Ab. Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 2008).

Islam membenarkan umatnya melakukan urusan niaga mikro kredit yang tidak membebankan. Antaranya melalui kontrak *qard al-hasan*, *murabahah* dan *mudarabah*. Ulama' kontemporari³ seperti Mustafa al-Zarqa' (1987) dan Yusuf al-Qaradawi (1994) berpendapat bahawa pengagihan zakat melalui mikro kredit dalam bentuk akad *qard al-hasan* adalah dibenarkan. Hal ini menunjukkan zakat berpotensi untuk diagihkan dalam bentuk mikro kredit. Malah zakat juga berpotensi menjadi salah satu sumber bagi kewangan Islam (Abdul Aziz, 2010).

² Baitul Mal adalah institusi kewangan Islam yang berperanan untuk membangun dan menyelesaikan masalah ekonomi, sosial dan kebajikan orang-orang Islam.

³ Ulama' kontemporari bermaksud ulama' masa kini bermula dari kurun ke 19 (<http://www.zaharuddin.net>).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia ketika ini, terdapat dua institusi yang menyediakan bantuan modal secara mikro kredit. Institusi tersebut ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Tekun Nasional (TEKUN).

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), merupakan salah satu daripada organisasi merealisasikan peningkatan pendapatan melalui penyaluran modal. Ia ditubuhkan pada 17 September 1987. Tujuannya untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia melalui Pembiayaan Ikhtiar kepada suri rumah miskin di luar bandar untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang menambah pendapatan (AIM, 2006).

Penyaluran modal AIM menggunakan pendekatan mikro kredit Bank Grameen. Semua peserta AIM dikenali sebagai sahabat yang dipilih mengikut terma dan syarat AIM (AIM, 2006). Pendekatan skim mikro kredit berasaskan bayaran balik secara kecil-kecilan dan dibayar balik secara mingguan melalui Mesyuarat Pusat. Sahabat hanya dibenarkan mengambil pembiayaan tidak melebihi RM 2000 pada kali pertama. Bayaran balik mestilah tidak melebihi 50 minggu. Jumlah pembiayaan ini dapat menjamin bayaran balik mingguan yang kecil dan tidak membebankan sahabat. Setakat ini prestasi bayaran balik pinjaman mampu mencapai sehingga 95 peratus (Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 2008). Mereka yang melepasi ujian tahun pertama boleh memohon pembiayaan yang lebih besar iaitu sehingga RM 50000 pada tahun berikutnya (AIM, 2006).

Pendekatan mikro kredit AIM bukan hanya tertumpu kepada aktiviti pengeluaran pembiayaan sahaja bahkan sahabat digalakkan untuk menabung melalui Simpanan Wajib dalam Tabung Kumpulan. Untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan dan

mengekalkan disiplin bayaran balik yang lancar, AIM mengamalkan sistem penyeliaan di pelbagai peringkat bermula dari Ibu Pejabat, Wilayah, Cawangan, Pusat dan Kumpulan (AIM, 2006).

Selain daripada AIM, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) juga menyediakan kemudahan mikro kredit kepada usahawan kecil khususnya usahawan bumiputera. Skim Pinjaman TEKUN berteraskan konsep 'pinjaman asas simpanan'. Pinjaman mikro atau mikro kredit yang diberikan digunakan sebagai modal tambahan untuk meningkatkan perniagaan sedia ada kepada usahawan kecil. Lebih pulangan hasil kejayaan perniagaan pula disalurkan untuk disimpan dalam TEKUN setiap minggu semasa membuat ansuran bayaran balik.

Objektif penubuhan program TEKUN ialah menawarkan modal tambahan dengan mudah, cepat dan tidak membebankan. Hal ini akan menggalakkan budaya menabung dalam kalangan peniaga kecil dengan mewujudkan satu jaringan usahawan secara berkelompok dan seterusnya membina usahawan yang berwawasan, berdaya saing serta membina kemahiran keusahawanan.

Tujuan utama penubuhan TEKUN adalah untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Ini memudahkan peniaga kecil bumiputera memperoleh pinjaman dari bank dan institusi kewangan yang mensyaratkan cagaran, penjamin dan pembentangan kertas kerja. Melalui skim ini peniaga-peniaga kecil Bumiputera dijangka mampu untuk membayar balik pinjaman kecil secara mingguan apabila kutipan dibuat di premis perniagaan mereka. Pemohon pinjaman tidak perlu untuk mengemukakan cagaran, penjamin dan kertas kerja. Pembiayaan yang ditawarkan adalah antara RM 500 hingga RM 50000.

Selain daripada itu, ia berperanan untuk menggalakkan budaya menabung dalam kalangan peniaga kecil. Ini akan membolehkan mereka mengembangkan perniagaan dengan tidak perlu lagi untuk membuat pinjaman (Hassan Bin Mohd. Osman, 2007).

Antara dua institusi ini, AIM merupakan institusi yang paling berjaya dalam membantu golongan miskin memperolehi pinjaman dengan bilangan peserta yang semakin meningkat dari semasa ke semasa (AIM, 2007a).

Selain daripada dua institusi ini, pusat-pusat zakat dan Baitul Mal juga tidak ketinggalan menyalurkan dana zakat dalam bentuk bantuan modal perniagaan secara percuma kepada usahawan kecil yang memerlukan. Bantuan modal perniagaan yang diberikan sama ada dalam bentuk tunai mahupun peralatan (Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 2008).

Di Malaysia, Baitul Mal dan institusi zakat mengagihkan zakat menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan dalam menyalurkan bantuan kepada golongan asnaf. Bantuan dan agihan disalurkan dalam pelbagai bentuk sama ada tidak produktif atau pun produktif. Bantuan tidak produktif seperti bantuan saraan bulanan, bantuan khas bayaran sewa rumah atau bantuan pendidikan. Bantuan jenis ini bertujuan untuk membantu fakir miskin meneruskan kehidupan agar dapat memenuhi keperluan asas yang dikehendaki. Bantuan produktif pula adalah bantuan berbentuk modal sama ada dalam bentuk tunai mahupun peralatan. Modal yang diberikan adalah percuma.

Bantuan zakat seperti ini bermatlamat jangka panjang dengan harapan penerima zakat bertukar status menjadi pembayar zakat. Mereka diharapkan tidak hanya bergantung kepada bantuan zakat semata-mata sepanjang hidup mereka bersesuaian dengan

falsafah zakat itu sendiri (Rosbi Abd.Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 2008).

Dengan menggerakkan dana zakat secara lebih aktif, adalah menjadi harapan agar zakat dapat menyelesaikan masalah perbezaan yang berlaku antara manusia membabitkan rezeki sebagaimana firman Allah:

“ Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakan Allah” (al-Nahl, 16 : 71).

Pengagihan kekayaan yang tidak sempurna merupakan antara sebab masalah berlakunya kemiskinan di kebanyakan negara termasuklah Malaysia. Golongan kaya pula lebih mudah mendapat pembiayaan atau pinjaman daripada institusi kewangan kerana mereka mampu memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh institusi kewangan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2008).

Hal ini menyebabkan golongan kurang mampu terus terpinggir kerana mereka biasanya berhadapan dengan pelbagai halangan yang dikenakan oleh pihak bank. Antara punca golongan ini tersisih ialah ketiadaan harta dan aset sebagai cagaran pinjaman. Sedangkan kebanyakan golongan kurang mampu yang ingin menceburi perniagaan secara kecil-kecilan di Malaysia memerlukan modal permulaan untuk memulakan perniagaan. Seterusnya mereka turut memerlukan modal tambahan untuk meningkatkan perniagaan sedia ada.

Dengan itu, institusi zakat perlu membuktikan keupayaannya dalam menyelesaikan masalah besar umat Islam seperti ini. Ini penting kerana kejayaan mekanisme zakat bukanlah diukur pada jumlah kutipan semata-mata tetapi juga sejauh mana

keberkesanan pengagihan dan impak langsungnya kepada masyarakat Islam secara keseluruhan.

Di Wilayah Persekutuan, MAIN Wilayah Persekutuan (MAIWP) menerusi bahagian Baitul Mal berperanan dan bertanggungjawab mengagihkan wang zakat yang diterima kepada golongan asnaf yang layak. Baitul Mal MAIWP ditubuhkan menerusi peruntukan di bawah Seksyen 60 (1), Akta 505 (Akta pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)). Kaedah-kaedah agihan Baitul Mal telah dibuat untuk memudahkan lagi pengurusan Baitul Mal khususnya dari segi perbelanjaan dan pengagihan. Kaedah tersebut dikenali dengan kaedah-kaedah Baitul Mal Wilayah Persekutuan (perbelanjaan dan penggunaan) 1980, (Pindaan) 1988, (Pindaan) 1996. Sehingga kini terdapat sebanyak 26 skim bantuan Baitul Mal yang disediakan untuk diagihkan kepada asnaf yang layak. Antaranya adalah bantuan kewangan bulanan, bantuan persekolahan, bantuan perubatan, bantuan musibah dan agensi pendidikan, bantuan wang segera, bantuan am pelajaran, bantuan perkahwinan, bantuan Ramadhan, bantuan Tuisyen, Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran, Bantuan Pertanian, Bantuan Guaman Syarie dan tidak ketinggalan Bantuan Perniagaan. Skim bantuan yang disediakan ini sama ada dalam bentuk bantuan secara jangka pendek dan tidak produktif dan juga skim bantuan jangka panjang dan berbentuk produktif.

Bagi bantuan zakat berbentuk skim bantuan perniagaan, golongan sasaran utama penerima bantuan adalah terdiri dari golongan asnaf fakir dan miskin. Penentuan golongan fakir dan miskin adalah tertakluk kepada pengiraan *had al kifayah* yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan Mesyuarat MAIWP.

Kadar bantuan modal yang diberikan tertakluk kepada pemberian sebanyak RM5000 hingga RM50000 bagi pemberian kali pertama. Bantuan ini adalah untuk perniagaan berkala. Bantuan bawah RM5000 pula adalah untuk perniagaan secara kecil-kecilan (Rosbi Ab. Rahman, et al., 2008). Bantuan modal ini diberikan secara percuma.

Skim bantuan modal perniagaan ini mendapat sambutan daripada golongan asnaf fakir dan miskin memandangkan syarat yang ditetapkan ini agak mudah seperti hanya perlu menunjukkan bukti menerusi lesen perniagaan tanpa dikenakan syarat lain seperti menunjukkan rekod kemajuan perniagaan, pelan rancangan perniagaan, tidak perlu menyediakan cagaran, penjamin dan yang ketara sekali bantuan yang disediakan adalah 100 peratus percuma tanpa dikenakan sebarang bayaran balik (Rosbi Abd.Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 2008).

Di Aceh, Baitul Mal Aceh menyalurkan modal perniagaan kepada asnaf zakat dalam bentuk mikro kredit (Armiadi Musa Basyah, 2009). Bantuan modal melalui skim mikro kredit ini antara lain bertujuan untuk membantu golongan asnaf fakir dan miskin merubah kehidupan ke arah yang lebih baik. Pelaksanaan kaedah agihan ini terbukti berjaya di sana di mana *mustahiq* dapat merubah taraf kehidupan keluarga dan membayar balik wang pinjaman dalam masa yang ditetapkan (Rizky Aulia, 2013). Tambahan pula segelintir *mustahiq* yang menerima bantuan tidak lagi tergolong dalam golongan asnaf zakat (Berita Baitul Mal Aceh, 2015).

Berdasarkan perbincangan di atas, bantuan modal daripada pusat zakat diberi secara percuma tanpa dikenakan syarat-syarat yang mengikat penerimanya untuk membuat bayaran balik didakwa kerap mengalami kegagalan. Manakala TEKUN dan AIM dalam memberi bantuan modal jelas mempamerkan kejayaan. Namun terbukti urusniaganya

tidak bebas daripada riba (Raziah Mat Tahir, 2010). Bantuan modal secara mikro kredit daripada dana zakat di Aceh pula mempamerkan kejayaan. Untuk itu, jika di Aceh boleh berjaya, mengapa tidak di Malaysia?

Persoalannya, bolehkah agihan dana zakat diberikan secara mikro kredit? Jika boleh, apakah asas-asas hukum Islam yang dipakai? Apakah bentuk kemudahan mikro kredit yang boleh disediakan oleh institusi-institusi zakat? Bagaimanakah potensi pelaksanaannya di Malaysia? Persoalan-persoalan inilah yang akan dijawab daripada kajian ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis hukum dan bentuk bantuan modal perniagaan secara mikro kredit yang boleh dibiayai daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh dan potensi pelaksanaannya di institusi zakat di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- i. Mengetahui asas-asas hukum yang digunakan dalam pemberian bantuan modal perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh.
- ii. Menganalisis bentuk bantuan modal perniagaan secara mikro kredit yang boleh dibiayai daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh.
- iii. Menganalisis potensi pelaksanaan mikro kredit yang boleh dibiayai oleh institusi-institusi zakat di Malaysia.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada huraian masalah yang telah disebut di atas, maka kajian ini akan meneliti persoalan-persoalan berikut:-

- i. Apakah asas-asas hukum dana zakat diberi dalam bentuk mikro kredit?
- ii. Apakah hujah yang digunakan oleh Baitul Mal Aceh dalam menentukan hukum bagi mikro kredit daripada dana zakat?
- iii. Apakah sektor agihan zakat dalam bentuk bantuan modal yang dilaksanakan di Baitul Mal Aceh?
- iv. Bagaimanakah Baitul Mal Aceh menguruskan pelaksanaan bantuan perniagaan secara mikro kredit?
- v. Bagaimanakah potensi bantuan modal perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat dapat direalisasikan di institusi-institusi zakat di Malaysia?
- vi. Apakah bentuk-bentuk mikro kredit yang boleh disediakan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia?

Setiap persoalan yang dinyatakan dapat dihubung secara khusus dengan objektif kajian sepertimana digambarkan di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1.Mengenal pasti asas-asas hukum yang diguna pakai dalam pemberian bantuan modal perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh.	i.Apakah asas-asas hukum dana zakat diberi dalam bentuk mikro kredit? ii.Apakah hujah yang digunakan oleh Baitul Mal Aceh dalam menentukan hukum bagi mikro kredit daripada dana zakat?

<p>2.Menganalisis bentuk bantuan modal perniagaan secara mikro kredit yang boleh dibiayai daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh.</p>	<p>i.Apakah sektor bantuan modal perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat yang dilaksanakan di Baitul Mal Aceh?</p> <p>ii. Bagaimanakah Baitul Mal Aceh menguruskan pelaksanaan bantuan perniagaan secara mikro kredit?</p>
<p>3.Menganalisis potensi kemudahan mikro kredit yang boleh dibiayai oleh institusi-institusi zakat di Malaysia.</p>	<p>i. Bagaimanakah potensi bantuan modal perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat dapat direalisasikan di institusi-institusi zakat di Malaysia?</p> <p>ii. Apakah bentuk-bentuk mikro kredit yang boleh disediakan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia?</p>

Berdasarkan Jadual 1.1, tiga persoalan harus dijawab untuk mencapai objektif kajian pertama. Pertama, berkenaan asas-asas hukum Islam yang membolehkan dana zakat diberi dalam bentuk mikro kredit. Kedua, berkenaan bagaimana Baitul Mal Aceh berhujah dengan asas-asas tersebut? Persoalan berkaitan bentuk bantuan modal perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat yang dibenarkan Islam diutarakan bagi menjawab objektif kajian kedua. Objektif terakhir dikukuhkan melalui dua persoalan. Pertama, bagaimana potensi bantuan modal perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat dapat direalisasikan di institusi-institusi zakat di Malaysia? Kedua, apakah bentuk-bentuk mikro kredit yang boleh disediakan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia?

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Bagi memudahkan perbincangan dalam kajian, empat konsep penting diberikan definisi secara operasional. Konsep pertama ialah mikro kredit, kedua ialah Baitul Mal, ketiga

ialah potensi, keempat ialah institusi zakat. Huraian definisi operasional keempat-empat konsep tersebut seperti berikut:

1.6.1 Mikro Kredit

Mikro kredit ialah pembiayaan untuk perniagaan kecil-kecilan. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah antara RM500 hingga RM50000 untuk membiayai sesebuah perniagaan perusahaan mikro tanpa cagaran dan jaminan. Kadar caj faedah yang dikenakan adalah rendah. Mikro kredit ini diberikan untuk tujuan perniagaan sahaja seperti membiayai modal pusingan dan pembelian aset tetap. Mikro kredit ini bukan untuk pembiayaan peribadi (Bank Negara Malaysia, 2008).

Terdapat dua jenis mikro kredit. Pertama ialah mikro kredit konvensional dan kedua ialah mikro kredit secara Islam. Perbezaan antara kedua-dua jenis mikro kredit ini adalah mikro kredit konvensional dikenakan caj faedah ke atas pinjaman, di mana terdapat unsur-unsur riba di dalamnya yang membebankan peminjam serta terdapat unsur-unsur jenayah ekonomi (Wilson, 2007). Manakala mikro kredit secara Islam pula bebas dari unsur-unsur riba di mana kedua-dua peminjam dan pemberi pinjaman berkongsi untung rugi dan risiko (Muhammad Siddique, 2009).

Dalam kajian ini, definisi mikro kredit yang dipakai ialah mikro kredit secara Islam yang diberi secara kecil-kecilan kepada usahawan asnaf yang miskin. Mereka ingin menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti gerai makanan, buah-buahan, menjahit dan lain-lain tetapi tidak berpeluang memperoleh pinjaman daripada sistem perbankan yang memerlukan cagaran.

1.6.2 Baitul Mal

Baitul Mal menurut bahasa berasal dari perkataan Arab dari dua kosa kata iaitu *Al-Bayt* dan *Al-Mal*. *Al-Bayt* bererti “rumah” dan *Al-Mal* bererti “harta” atau ringkasnya rumah harta (Perbendaharaan). Menurut *lisan al-Arab* (rujukan asas Bahasa Arab) ia bermaksud “rumah yang menerima sesuatu harta dan menyimpannya untuk diagihkan.”

Pada hakikatnya Baitul Mal merupakan satu bentuk institusi kewangan harta dalam Islam. Ia terdiri dari pelbagai sumber hasil seperti zakat, harta wakaf, cukai-cukai (kharaj) dan lain-lain sumber yang pengumpulan dan penggunaannya untuk kepentingan masyarakat dan negara (Ridhwan Abdul Rahman, 2012).

Baitul Mal merupakan institusi harta dan kewangan induk dalam negara Islam. Harta yang terkumpul dalam khazanah Baitul Mal adalah harta negara yang dimiliki oleh semua rakyat yang tinggal dan menetap di bawah naungan kerajaan Islam. Baitul Mal menurut pandangan al-Mawardi ialah tempat merekodkan pembahagian dan pengumpulan harta. Lebih tepat lagi Baitul Mal dimaksudkan sebagai perbendaharaan negara yang menerima dari pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara Islam seperti zakat, harta wakaf, cukai dan lain-lain. Baitul Mal mengandungi suatu konsep dan pengertian harta yang amat luas berdasarkan kepada iman dan takwa dengan penuh yakin bahawa hanya Allah sahajalah Pencipta. Pentadbir dan Penguasa alam ini. Manakala khalifah pula sebagai pemegang amanah bagi menguruskan harta yang terkumpul dalam khazanah Baitul Mal. Pada hakikatnya, skop Baitul Mal mencakupi peranan yang lebih luas jika dibandingkan dengan kosep perbendaharaan negara hari ini. Baitul Mal bukan sahaja berperanan sebagai institusi perbendaharaan negara melalui dasar dan kepentingannya kepada pemerintah, malah bertindak sebagai

bank pusat yang berperanan kepada sistem kewangan negara. Jika dilihat daripada konteks Baitul Mal pada awal Islam, ternyata ia merupakan perbendaharaan bagi sesebuah negara (Hailani Muji Tahir, 2007).

Baitulmal dalam Islam mempunyai konsep penggunaan harta yang amat luas dan berteraskan 3 asas falsafah utama yang merangkumi 3 unsur penting. Pertama, konsep harta sebagai sumber ekonomi. Kedua, konsep amanah dalam proses pentadbiran dan ketiga, konsep keadilan sosial sebagai tujuan penggunaan harta di Baitul Mal (Ridhwan Abdul Rahman, 2012).

Baitul Mal yang dimaksudkan dalam tesis ini ialah agensi yang bertanggungjawab mengenai zakat di Aceh yang menjadi “lembaga daerah pengelola zakat”. Secara lebih terperinci di Provinsi Aceh, Baitul mal ditubuh melalui Keputusan Gabenor Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 18 Tahun 2003 pada 16 Julai 2003, yang merangkumi pembentukan organisasi dan tata kerja badan-badan Baitul Mal di seluruh Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam sama ada di peringkat provinsi, kabupaten/kota atau gampong. Di bawah lembaga pengelola ini, terdapat Badan ‘ *mil* Zakat, Infaq dan Sedekah (BAZIS) yang juga dilantik melalui SK Gabenor di atas yang bertanggungjawab mengenai zakat, infaq dan sedekah (Armiadi, 2008). Antara tugas dan tanggungjawabnya ialah menjadikan zakat sebagai salah satu sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD) dengan kekuatan rakyat muslim Aceh yang membentuk 98.87 peratus (Aceh Dalam Angka, 2006). Wang zakat ini penting untuk bantuan kewangan kepada masyarakat miskin dan asnaf-asnaf zakat yang lain.

1.6.3 Potensi

Potensi bermaksud tahap pengeluaran sebenar ekonomi boleh menghasilkan pada kadar yang tinggi penggunaan sumber (Denison, 1985). Selain itu, ia juga bermaksud kemampuan dasar daripada sesuatu yang masih terpendam di dalamnya yang menunggu untuk diwujudkan menjadi sesuatu kekuatan nyata dalam diri sesuatu tersebut (Wiyono, t.t). Hornby (2007) pula mendefinisikan potensi sebagai sesuatu yang boleh wujud, kemungkinan diperkembangkan atau digunakan, kuasa atau sifat-sifat yang wujud tetapi belum dikembangkan.

Selain daripada itu, potensi juga bermaksud keupayaan dan kebolehan (kecerdasan) terpendam dalam diri individu. Jika dicungkil, ia boleh digunakan untuk melakukan sesuatu dan dikembang maju. Potensi dikaitkan dengan bakat semulajadi manusia yang menjadi salah satu aspek daripada fitrah manusia. Maksudnya, potensi merupakan kebolehan manusia melakukan sesuatu aktiviti yang selari dengan fitrah diri (Khair Hidayati Mohd Khair, Fadilah Abdul Majid, Khairunnisak Yahya dan Munirah Senik, 2012).

Maksud potensi yang lain ialah kemampuan atau keupayaan individu untuk menghasilkan, mencipta, melakukan sesuatu perkara atau mencapai sesuatu kejayaan. Hal ini bergantung pada kebolehan, bakat, kekuatan dan juga keupayaan dalaman untuk berdaya maju. Potensi ini boleh dikembangkan melalui interaksi dengan persekitaran, ilmu pengetahuan serta pendidikan berkualiti. Untuk meningkatkan atau menyerlahkan potensi sesuatu ke tahap yang maksimum dan optimum, satu usaha harus dilakukan (Noor Yazlind, 2012).

Berdasarkan perbincangan mengenai definisi potensi sebelum ini, dapat dikemukakan definisi potensi zakat sebagai keupayaan zakat dalam meningkatkan pendapatan belanjawan melalui kesannya terhadap produktiviti, pekerjaan dan hasil (Monzer Kahf, 1997). Selain itu, potensi dalam kajian yang lain membawa maksud hasil pendapatan daripada harta wajib zakat yang dibayar oleh muzakki (M Nur Rianto Al Arif, 2010).

Potensi juga membawa maksud peningkatan tahap kutipan zakat daripada sumber-sumbernya dalam sesebuah negeri (Muhammad Firdaus, 2012). Ia juga bermaksud keupayaan zakat dalam pemindahan pendapatan untuk membasmi atau mengurangkan tahap kemiskinan.

Selain keupayaan dalam meningkatkan pendapatan, potensi juga bermaksud keupayaan institusi-institusi zakat dalam menggerakkan sumber tambahan bagi program-program pengurangan kadar kemiskinan dalam sesebuah negara. Dengan itu, institusi zakat harus dilibatkan dalam strategi pengurangan kemiskinan dengan dasar-dasar yang jelas agar turut dapat membantu mengukuhkan sektor awam sebagaimana dasar-dasar yang ditetapkan untuk mengukuhkan sektor swasta di negara membangun (M. Fahim Khan, 2013).

Potensi juga bererti zakat boleh dikembangkan kepada aspek mikro kredit untuk membantu golongan umat Islam yang berada dalam kemiskinan. Institusi zakat boleh dikembangkan dan dimajukan kerana berupaya menjadi seperti sebuah bank dalam pelaksanaan mikro kredit sebagai alternatif baru dalam kaedah agihan zakat (*Islamic Banking and Finance Institute*, 2009).

Dalam kajian ini, potensi yang dimaksudkan ialah sesuatu yang mempunyai keupayaan untuk dimajukan dan digunakan. Potensi yang akan dilihat dan diukur dalam kajian ini ialah daripada aspek fatwa, aspek institusi zakat dan aspek kaedah pelaksanaan

1.6.4 Institusi Zakat

Institusi zakat merupakan satu badan yang ditubuhkan oleh individu atau sekumpulan individu untuk memenuhi tuntutan Allah dan melaksanakannya bagi mencapai matlamat tertentu iaitu kebajikan sosial.

Institusi zakat secara amnya terletak di bawah kuasa perundangan negeri. Hal ini termasuklah hak penentuan hukum yang berkaitan dengan harta seperti wakaf, zakat, fitrah dan Baitulmal. Pelaksanaan sistem zakat yang diletakkan di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri yang dibuat oleh Majlis Perundangan Negeri masing-masing (Azizah Dolah, 2004).

Di Malaysia, zakat ditadbir oleh 14 buah MAIN yang wujud di setiap negeri. MAIN merupakan sebuah badan tertinggi yang mentadbir hal ehwal agama Islam di setiap negeri. Badan ini dipertanggungjawab terus kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai ketua agama. Bagi negeri yang diketuai oleh Yang Dipertua Negeri, kuasa ini dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong. Ini bermaksud, walaupun MAIN merupakan satu badan yang tertinggi dan berkuasa membuat peraturan dan dasar tentang perjalanan, pertadbiran dan pelaksanaan dalam hal yang berkaitan dengan agama, tetapi bidang kuasanya adalah terhad dan terikat oleh kuasa kerajaan negeri serta kerajaan pusat (Azizah Dolah, 2004).

Dalam melaksanakan tugas pentadbiran zakat, terdapat perbezaan dari segi struktur pengurusannya di setiap negeri. Setiap negeri menggunakan model struktur organisasi yang berbeza yang difikirkan sesuai dengan kehendak dan kepimpinan hal ehwal Agama Islam negeri masing-masing. Contohnya di Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan. Kedudukan Baitul Mal adalah di bawah Jabatan Agama Islam, sementara bagi Melaka dan Negeri Sembilan, ianya terletak di bawah MAIN negeri masing-masing. Perbezaan ketara yang wujud di antara negeri bukan sahaja dari segi struktur pengurusan tetapi melibatkan pelbagai aspek lain termasuklah cara pelaksanaan serta penguatkuasaan undang-undang zakat.

Hal ini kerana setiap negeri mempunyai kebebasan dalam membuat undang-undang zakatnya yang tersendiri. Perbezaan inilah yang menjadi salah satu sebab mengapa wujudnya halangan kepada satu bentuk pentadbiran dan perundangan zakat yang lebih berkesan di peringkat negara (Azizah Dolah, 2004). Institusi zakat yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah organisasi yang menguruskan hal ehwal berkaitan zakat di Malaysia.

1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop dan batasan kajian penyelidikan adalah seperti berikut:-

- i. Batasan mikro kredit: Kajian ini hanya meneliti terhadap bantuan modal perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat yang dilaksana di Baitul Mal Aceh .
- ii. Batasan negeri: 1) Aceh : Baitul Mal Aceh : Aceh dipilih kerana Aceh telah melaksanakan agihan zakat dalam bentuk mikro kredit.

- iii. Batasan responden: Responden dihadkan kepada golongan pakar meliputi pakar ekonomi, ahli akademik (pakar *usul fiqh*) dan institusi zakat. Responden adalah seramai 17 orang.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dicadangkan ini cukup penting untuk dijalankan kerana sebab-sebab berikut :

- i. Statistik menunjukkan kutipan zakat semakin meningkat dari tahun ke tahun (Laporan Tahunan LZS Dari Tahun 2009 - 2013). Namun pada masa yang sama, tiada jaminan wang zakat boleh dikutip berterusan dan jumlah kutipan akan bertambah setiap tahun. Bagaimanakah sekiranya suatu hari nanti jika jumlah kutipan zakat berkurang atau terjejas? Golongan asnaf yang perlu dibantu pula semakin bertambah. Sedangkan mungkin akan berlaku kekurangan dalam kutipan tahunan dan dana zakat yang ada pula amat terhad. Untuk mengelakkan hal ini berlaku, satu alternatif baru harus dicari. Salah satu cara yang dicadangkan adalah bantuan modal perniagaan dalam bentuk mikro kredit diberi kepada asnaf zakat yang berminat menjadi usahawan. Modal ini diberi kepada mereka untuk memulakan perniagaan dan sebagai modal pusingan.
- ii. Zakat boleh dikembangkan kepada aspek mikro kredit untuk membantu golongan umat Islam yang berada dalam kemiskinan (Islamic Banking and Finance Institute, 2009). Kajian ini akan membantu institusi zakat melibatkan diri dalam pembiayaan secara mikro dengan mewujudkan

satu lagi alternatif baru pengagihan zakat kepada golongan yang berhak untuk mendapatkan bantuan perniagaan melalui dana zakat. Selain itu, mekanisme ini dapat membantu mengelakkan masalah sekiranya kekurangan dana zakat pada suatu masa nanti.

- iii. Baitul Mal Aceh, Indonesia telahpun melaksanakan bantuan modal secara mikro kredit. Menurut Zahri Hamat (2010), pungutan balik daripada mikro kredit tersebut adalah melebihi 75 peratus. Oleh sebab itu, kajian ini penting untuk melihat potensinya di Malaysia pula kerana pelaksanaannya di Aceh telah berjaya. Jika di Aceh boleh berjaya, maka kaedah ini mungkin boleh berjaya di Malaysia.

Berdasarkan justifikasi yang dinyatakan di atas, kajian ini cukup penting untuk dijalankan. Walaupun kajian tentang kaedah pengagihan dana zakat telah lama dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, namun sepanjang pengetahuan penyelidik, masih terlalu kurang kajian tentang agihan dana zakat dalam bentuk mikro kredit yang bebas riba telah dibuat di Malaysia selain di Baitul Mal Aceh, di Kuwait dan di United Kingdom. Memandangkan institusi zakat merupakan institusi penting dalam meningkatkan taraf hidup golongan miskin dan ekonomi kecil, diharapkan dengan adanya mikro kredit daripada dana zakat akan dapat membantu golongan yang menerima zakat ini bertukar menjadi golongan yang mengeluarkan zakat pula. Justeru, kajian ini penting bagi mewujudkan satu sistem mikro kredit tanpa riba di negara kita selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia miskin sifar lebih-lebih lagi umat Islam.

1.9 ORGANISASI TESIS

Tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan organisasi tesis.

Bab kedua merupakan perbincangan tentang kajian-kajian lepas dan sorotan karya berkaitan topik kajian. Bab ini penting bagi melihat lompong penyelidikan. Selain itu, satu kerangka konseptual kajian turut dibentuk berdasarkan sorotan karya.

Kaedah penyelidikan yang dipakai untuk kajian ini dibahaskan dalam bab ketiga. Bab ini membahaskan tiga perkara. Pertama ialah reka bentuk kajian. Kedua ialah tentang kaedah pengumpulan data iaitu melalui kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Ketiga ialah tentang kaedah analisis data kajian menggunakan kaedah analisis kandungan.

Analisis ke atas dapatan kajian dibincangkan dalam bab keempat, kelima dan keenam. Bab keempat bertujuan menjawab persoalan kajian dalam objektif pertama. Perbahasan dalam bab ini bertujuan untuk mencapai objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti hukum pelaksanaan mikro kredit daripada dana zakat. Tumpuan adalah terhadap analisis data sekunder yang diperoleh daripada kajian perpustakaan dan data primer yang diperoleh daripada temu bual bersama responden dari Aceh.

Bab kelima bertujuan untuk mencapai objektif kedua kajian iaitu menganalisis pelaksanaan bantuan perniagaan secara mikro kredit daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh. Bab ini memerihalkan pelbagai penemuan kajian berdasarkan temu bual bersama responden dari Baitul Mal Aceh.

Bab keenam pula bertujuan untuk mencapai objektif ketiga kajian iaitu menganalisis potensi pelaksanaan mikro kredit daripada dana zakat di institusi-institusi zakat di Malaysia. Bab ini membahaskan pandangan sekumpulan responden yang terdiri daripada tokoh agama, ahli akademik, ahli ekonomi dan pengamal zakat terhadap potensi mikro kredit daripada dana zakat untuk dilaksanakan di institusi-institusi zakat di Malaysia

Akhirnya, bab ketujuh adalah merupakan bab penutup dan kesimpulan daripada keseluruhan kajian ini. Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama merupakan ringkasan keseluruhan kajian ini. Bahagian kedua membahaskan implikasi kajian. Bahagian ketiga pula merupakan cadangan untuk kajian masa depan.